

PM yakin Sarawak mampu capai sasaran Wawasan 2020 10 tahun lebih awal

UM 9 JUL 2002

SANTUBONG 8 Juma
Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yakin Sarawak mampu mencapai sasaran Wawasan 2020 sepuluh tahun lebih awal jika momentum perkembangan pesat negeri berjaya dikekalkan.

Untuk itu, Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN meminta rakyat terus memberikan sokongan padu kepada Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) yang menjadi tonggak kerajaan negeri.

"Saya juga harap PBB kekal sebagai benteng Barisan Nasional (BN) di Sarawak," katanya semasa berucap merasmikan Perhimpunan Agung PBB ke-10 di sini, hari ini.

Majlis itu turut dihadiri oleh Ketua Menteri merangkap Yang Dipertua PBB, Tan Sri Abdul Taib Mahmud.

Dr. Mahathir turut ber-

terima kasih kepada PBB atas kesetiaan parti itu sebagai rakan komponen BN selama ini.

PBB adalah parti dominan dalam kerajaan BN Sarawak yang turut dianggotai oleh Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP), Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) dan Parti Kebangsaan Sarawak (Snap).

Menurut beliau, sumbangan besar kerajaan negeri membangunkan Sarawak adalah jelas menerusi pelaksanaan banyak projek baru serta peralihan daripada sektor pertanian kepada perindustrian.

"Dari sebuah negeri yang bergantung kepada pertanian, Sarawak kini telah mengorak langkah menjadi sebuah negeri perindustrian," katanya.

Katanya, semua perancangan menjadi negeri maju itu dapat dilaksanakan ke-

rana Sarawak mempunyai kerajaan yang kuat.

Sementara itu dalam sidang akhbar pada satu majlis yang berlainan, Dr. Mahathir berkata, beliau pasti kemelut kepimpinan Snap yang turut membimbangkan kerajaan BN negeri, mampu diselesaikan.

"Saya pasti ia boleh selesai dengan cara baik," katanya ketika menjawab pertanyaan pemberita mengenai isu itu yang telah berlarutan sejak April lalu.

Ia bermula dengan kes pemecatan Ahli Parlimen Bintulu, Datuk Seri Tiong King Sing oleh Jawatankuasa Eksekutif Pusat (CEC) Snap yang dipengerusikan oleh Presiden parti, Datuk Amar James Wong.

Ditanya sama ada pemimpin Snap telah menemuui beliau, Dr. Mahathir berkata, beliau ada bertemu dengan Wong tetapi isu itu tidak dibincangkan.